

'Saya mahu bangsa saya dihormati'

BH 21 APR 1982

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menitikkan air mata malam tadi ketika berucap tentang hasrat dan harapannya mengenai bangsanya yang dikasihi.

"Tidak ada bangsa di dunia ini yang tidak mempunyai maruah dan harga dirinya sendiri," ujar beliau.

"Saya tidak mahu melihat bangsa saya dihina lagi. Saya mahu bangsa saya dihormati."

Perdana Menteri berucap demikian di suatu majlis bacaan sajak di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis anjuran bersama Dewan Bahasa dan Kumpulan Teater Elit itu dihadiri oleh ramai para sasterawan dan cerdik pandai tanahair.

Kata-kata Datuk Seri Dr. Mahathir itu disambut dengan tepuk dan seruan-seruan penuh semangat dari para hadirin.

Terharu

Seorang dari hadirin berseru: "Kami juga tidak mahu melihat bangsa kita dihina lagi!"

Datuk Seri Dr. Mahathir berucap dengan suara yang nyata terharu. Ketika kembali ke tempat duduknya, beliau kelihatan mengesat setitis air mata.

Sajak-sajak yang dibacakan malam tadi banyak membayangkan kesedaran kebangsaan yang mendalam. Ada yang menyatakan harapan dan kepercayaan secara langsung terhadap Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang tegas dan jujur.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengulas sajak-sajak itu lalu menyatakan impiannya dari dahulu tentang bangsanya, yang akan terus diusahakan supaya menjadi kenya-taan.